



KETUA SETIAUSAHA
SECRETARY GENERAL
Kementerian Pendidikan Malaysia
Ministry of Education Malaysia
Aras 8, Blok E8
Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA

Tel: 03-8884 6072
Faks: 03-8888 5124
Laman Web: www.moe.gov.my

Ruj. Kami : KP(PP)0053/7 Jld. 14(~~30~~)
Tarikh : / November 2013

Semua Ketua Jabatan/ Bahagian
Semua Pengarah Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PEMAKLUMAN MENGENAI STATUS PELAKSANAAN BAYARAN INSENTIF SUBJEK PENDIDIKAN

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan sedia maklum, Bayaran Insentif Subjek Pendidikan (BISP) diberikan kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) selaras dengan dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI). PPP yang mengajar subjek Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris serta mengajar subjek Bahasa Inggeris dan PPP yang menggunakan kelayakan dalam bidang tersebut dalam tugas rasmi layak diberi BISP berdasarkan Surat Pekeliling Perkhidmatan KPM Bilangan 3 Tahun 2003 (SPP KPM Bil. 3/2003).

3. Berikutan pemansuhan PPSMI dan pengenalan inisiatif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM), Kerajaan memutuskan supaya **pemberian BISP diberhentikan mulai 1 Januari 2014**. Pada masa ini, Kementerian sedang menimbang insentif baharu dan akan dimajukan untuk persetujuan Agensi Pusat.

4. Semua Ketua Jabatan /JPN /PPD /IPGM /Kolej Matrikulasi / Politeknik /Pusat Tanggungjawab adalah bertanggungjawab untuk memastikan semua sekolah /Kolej /Institusi di bawah pentadbiran masing-masing menguatkuasakan keputusan pemberhentian ini. Sila rujuk kepada garis panduan seperti di **Lampiran A**.

5. Sehubungan itu, **Surat Pekeliling Perkhidmatan KPM Bilangan 3 Tahun 2003 adalah dibatalkan berkuatkuasa dari tarikh pemberhentian BISP.**

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



DATUK DR. MADINAH BINTI MOHAMAD
Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.

Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

TKSU (Pengurusan)

TKSU (Pembangunan)

TKPPM (Operasi Pendidikan)

TKPPM (Dasar dan Pembangunan Pendidikan)

TKPPM (Pembangunan Profesionalisme Keguruan)

Edaran Luar :

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam
Bahagian Saraan
Aras 5 & 6, Blok A, Bangunan MKN-EMBASSY TECHZONE
No. 3200, Jalan Teknokrat 2, Sepang
63000 Cyberjaya
SELANGOR DARUL EHSAN

Ketua Setiausaha Perbendaharaan Malaysia
Bahagian Pentadbiran
Tingkat 4, Blok Tengah
Kompleks Kementerian Kewangan Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62592 PUTRAJAYA

Akauntan Negara Malaysia
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Kompleks Kementerian Kewangan
No.1, Persiaran Perdana, Presint 2
62595 PUTRAJAYA

KP (PP) 0053/7/Jld. 14 ()

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN
BAYARAN INSENTIF SUBJEK PENDIDIKAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

PENDAHULUAN

1. Garis panduan ini adalah bertujuan untuk menyeragamkan pelaksanaan pengurusan pembayaran Bayaran Insentif Subjek Pendidikan (BISP) kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) yang memenuhi syarat kelayakan dan layak dipertimbangkan BISP mengikut peraturan yang berkuatkuasa.
2. Garis panduan ini terpakai bagi semua sekolah/Kolej Matrikulasi/Politeknik/IPG dan institusi-institusi di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.

LATAR BELAKANG

3. Kerajaan telah memperkenalkan BISP di bawah dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik Dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) di Kementerian Pendidikan Malaysia mulai tahun 2003 berdasarkan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 29 Mei 2002.
4. Bagi menyokong pelaksanaan dasar tersebut, PPP yang mengajar subjek Sains atau Matematik dalam bahasa Inggeris atau mengajar subjek bahasa Inggeris dan PPP yang menggunakan kelayakan dalam bidang tersebut dalam tugas rasmi layak dipertimbangkan BISP

berdasarkan Surat Pekeliling Perkhidmatan KPM Bilangan 3 Tahun 2003 (SPP KPM 3/2003).

5. Dasar PPSMI telah dimansuhkan mulai tahun 2010 dan digantikan dengan dasar baharu iaitu Memartabat Bahasa Malaysia Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) melalui keputusan mesyuarat Jemaah Menteri pada 8 Julai 2009. Mesyuarat tersebut juga telah bersetuju supaya mekanisme *soft landing* dilaksanakan untuk pengajaran dan pembelajaran (PdP) Sains dan Matematik bagi membantu pelajar-pelajar mengatasi masalah peralihan dasar berkenaan.
6. Dasar MBMMBI mula dilaksanakan pada tahun 2012 secara *soft landing* berdasarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 12 Tahun 2011. PdP Sains dan Matematik mula dilaksanakan dalam bahasa Malaysia (BM) bagi Tahun 1 dan 2 di Sekolah Kebangsaan manakala bahasa Mandarin di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan bahasa Tamil di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT). PdP Bagi Tahun 3 hingga 6 dan seterusnya dilaksanakan secara *soft landing* iaitu sama ada mengajar subjek Sains dan Matematik dalam BM sepenuhnya atau Bahasa Inggeris sepenuhnya atau dalam dwibahasa BM dan BI.

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN BISP

7. Peraturan mengenai pelaksanaan BISP adalah berdasarkan SPP KPM 3/2003. PPP yang layak dipertimbangkan BISP adalah mereka yang memenuhi ketiga-tiga syarat kelayakan iaitu Syarat Kelayakan Opsyen,

Syarat Kelayakan Mengajar dan Syarat Mencapai Tahap Penguasaan Bahasa Inggeris.

8. Pelaksanaan dasar baharu MBMMBI adalah berdasarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 12 Tahun 2011. Di bawah dasar baharu MBMMBI, pemberian BISP masih terus dikekalkan. Walau bagaimanapun, pembayaran BISP kepada PPP yang mengajar subjek Matematik dan Sains adalah tertakluk kepada pematuhan syarat mengikut SPP KPM 3/2003. PPP yang mengajar subjek Bahasa Inggeris dan memenuhi kesemua syarat kelayakan adalah layak dipertimbangkan BISP.
9. PPP yang menggunakan kelayakan dalam bidang Sains, Matematik dan bahasa Inggeris dalam tugas rasmi dan telah diluluskan BISP sebelum pelaksanaan dasar baharu adalah dikekalkan. Semua permohonan baharu selepas tahun 2010 adalah tidak dipertimbangkan kerana PPSMI telah dimansuhkan.

PEMBERHENTIAN BISP

10. YAB Menteri Pendidikan telah memutuskan supaya BISP diberhentikan mulai 1 Januari 2014. Selaras dengan keputusan tersebut, pemberian BISP mengikut SPP KPM 3/2003 adalah dibatalkan dan pembayaran BISP hendaklah **diberhentikan mulai 1 Januari 2014.** PPP yang sedang menerima BISP akan terus menerima pembayaran **sehingga akhir tahun 2013.**

11. Untuk makluman, Kementerian sedang meneliti dan akan mempertimbangkan pemberian insentif baharu dan akan dimajukan untuk persetujuan Agensi Pusat kelak.

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

12. Adalah menjadi tanggungjawab Ketua Jabatan/JPN/PPD/IPGM/Pusat Tanggungjawab untuk memastikan PPP yang dipertimbangkan atau menerima BISP memenuhi kesemua syarat kelayakan yang ditetapkan mengikut SPP KPM 3/2003. KPM telah mengeluarkan penjelasan melalui surat edaran KP(PP)0053/7 Jilid 13 (37) bertarikh 7 Disember 2012.
13. Sekiranya berlaku terlebih bayaran, kutipan balik hendaklah dibuat selaras dengan Akta Acara Kewangan yang berkuat kuasa.
14. Semua kelulusan pembayaran BISP hendaklah dilakukan sebelum tarikh penutupan akaun pada akhir tahun 2013 dan hendaklah direkodkan dalam buku perkhidmatan Kerajaan pegawai. Sebarang tuntutan BISP yang diterima selepas 1 Januari 2014 tidak akan dipertimbangkan.
15. Semua Ketua Jabatan/JPN/PPD/IPGM/Pusat Tanggungjawab adalah bertanggungjawab untuk memastikan semua sekolah/ Kolej/Institusi di bawah pentadbiran masing-masing menguatkuasakan keputusan pemberhentian ini.

Kementerian Pendidikan Malaysia
Putrajaya
Oktober 2013